

A portrait of an elderly man with grey hair, smiling warmly. He is wearing a dark suit jacket, a white shirt, and a patterned tie. He is seated at a white desk with his hands resting on it. The background is a bright, out-of-focus office setting with large windows.

PERUTUSAN PENGERUSI
CHAIRMAN'S STATEMENT

PERUTUSAN PENERUSA CHAIRMAN'S STATEMENT



KAMI TELAH MELAKUKAN PERUBAHAN TAKTIKAL TERHADAP STRATEGI PELABURAN UNTUK MELINDUNGI PELABURAN KWSP SECARA KESELURUHAN

*WE MADE TACTICAL CHANGES TO THE FUND'S INVESTMENT
STRATEGIES TO SAFEGUARD OUR OVERALL INVESTMENTS*



TAHUN YANG KUKUH

Pada tahun 2011, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) terus memperkukuhkan teras yang telah dibina pada tahun sebelumnya untuk menghasilkan prestasi kewangan dan operasi yang cemerlang. Di sebalik ketidakpastian pasaran global, KWSP telah memanfaatkan peluang pasaran untuk mencatatkan prestasi kewangan yang memberangsangkan dan rekod pendapatan kasar tertinggi. Dari segi prestasi operasi, KWSP telah meneruskan momentum kukuh yang dibina pada tahun 2010 untuk memperteguhkan kecekapan operasi, mempertingkatkan tahap khidmat pelanggan dan mencapai sasaran prestasi utama.

Tahun ini juga menyaksikan KWSP melaksanakan pelbagai inisiatif penambahbaikan kualiti yang penting serta amalan terbaik tadbir urus korporat dan pengurusan risiko. Selain itu, KWSP telah melakukan perubahan taktikal terhadap strategi pelaburan KWSP dalam melindungi pelaburan KWSP secara keseluruhan dan menjajarkannya mengikut keperluan masa kini. Bersandarkan langkah-langkah ini, KWSP hari ini berada pada kedudukan yang lebih teguh dalam mencapai sasaran menjadi sebuah organisasi keselamatan sosial bertaraf dunia yang menyediakan simpanan persaraan terbaik bagi rakyat Malaysia.

Bagi pihak Lembaga KWSP, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan KWSP bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011.

A STRONG YEAR

In 2011, the Employees Provident Fund (EPF) continued to build upon the strong foundations laid in the preceding year to deliver excellent financial and operational results. Despite global market uncertainties, we capitalised on market opportunities to deliver a sound financial performance and our highest gross income to date. In terms of our operational performance, we leveraged on the strong momentum gained in 2010 to strengthen operational efficiencies, bolster customer service levels and deliver against key performance targets.

The year also saw us rolling out a host of significant quality improvement initiatives as well as corporate governance and risk management best practices. On top of this, we made tactical changes to the Fund's investment strategies to safeguard our overall investments and align them with present-day needs. On the account of all these measures, the EPF today is in a much stronger position to achieve our ambition of becoming a world-class social security organisation providing the best retirement savings for Malaysians.

On behalf of the EPF Board, it is my pleasure and privilege to present the Annual Report of the EPF for the financial year ended 31 December 2011.

PERUTUSAN Pengerusi

CHAIRMAN'S STATEMENT

KELEMBAPAN EKONOMI GLOBAL

Tahun 2011 memperlihatkan ekonomi global mencatatkan prestasi yang lembap berbanding tahun sebelumnya. Jurang perbezaan dalam prestasi pertumbuhan di antara negara sedang pesat membangun dan negara maju kekal luas. Masalah fiskal dan hutang telah melanda negara maju, manakala kadar inflasi yang tinggi serta dasar monetari yang lebih ketat telah menyebabkan ekonomi negara sedang pesat membangun mengalami pertumbuhan sederhana. Pertumbuhan yang lebih perlahan ini adalah disebabkan oleh beberapa peristiwa termasuk berakhirnya lantunan kitaran yang teguh; rusuhan politik yang belum pernah berlaku sebelum ini di Timur Tengah serta Afrika Utara (MENA); beberapa kejadian bencana alam yang besar di serata dunia khususnya di Jepun; serta krisis yang lebih teruk dari jangkaan melanda negara maju, terutamanya Amerika Syarikat dan zon Euro.

Di dalam negara, eksport Malaysia, terutamanya produk elektrik dan elektronik tidak terlepas daripada kelembapan ini. Namun demikian permintaan domestik tetap bertahan dengan perbelanjaan swasta kekal teguh, didorong oleh pasaran buruh yang mantap serta harga komoditi yang stabil. Dasar kewangan dan fiskal Kerajaan yang bersifat akomodatif menyokong pertumbuhan di sepanjang tahun ini. KDNK Malaysia diramalkan berkembang sebanyak 5 hingga 5.5 peratus peratus pada tahun 2011 berbanding dengan 7.2 peratus yang dicatatkan dalam tahun sebelumnya.

PRESTASI KEWANGAN YANG TEGUH

Sukacita saya mengumumkan bahawa meskipun keadaan pasaran global tidak menentu, KWSP telah mencatatkan prestasi pelaburan yang meyakinkan pada tahun 2011. Saiz aset pelaburan KWSP meningkat sebanyak RM28.70 bilion atau 6.52 peratus kepada RM469.22 bilion pada akhir tahun 2011. Bersandarkan strategi jangka panjang serta amalan pelaburan berhemah dalam mengoptimumkan kadar pulangan pelaburan (ROI), pendapatan bersih tahunan mencecah RM25.08 bilion, satu peningkatan sebanyak 12.42 peratus berbanding RM22.31 bilion yang direkodkan pada tahun 2010. Prestasi ROI pada kadar 6.67 peratus yang dicatatkan menunjukkan kelangsungan momentum ROI 6.41 peratus yang diperolehi pada tahun sebelumnya. Pencapaian yang membanggakan ini banyak disumbangkan oleh keuntungan modal yang memberangsangkan yang dijana daripada pelaburan ekuiti, terutamanya pada setengah tahun pertama.

Berdasarkan prestasi kewangan yang teguh ini, Lembaga KWSP, dengan kelulusan Menteri Kewangan, telah mengisytiharkan kadar dividen sebanyak 6.00 peratus untuk tahun 2011 pada bulan Februari 2012. Kadar dividen ini adalah 20 mata asas lebih baik berbanding 5.80 peratus kadar dividen tahun sebelumnya. Jumlah dividen yang diagih RM24.47 bilion juga merupakan jumlah pembayaran dividen yang tertinggi setakat ini. Akaun dividen ini telah dikreditkan ke dalam akaun ahli pada 20 Februari 2012.

WEAK GLOBAL ECONOMIC CONDITIONS

The year 2011 saw the global economy registering weaker performance as compared to the preceding year. The divergence in growth performance between the emerging and developed economies remained relatively wide. Fiscal and debt problems plagued the developed economies, while inflation and monetary tightening have caused the emerging economies experienced moderate growth. The slower growth was attributable to a series of events including the end of a strong cyclical rebound; unprecedented political turmoil in the Middle East and North Africa (MENA); a series of massive natural disasters around the globe particularly in Japan; and the more severe than expected crises that hit the advanced economies, particularly the United States and Eurozone.

On the domestic front, Malaysia's exports, especially its electrical and electronic products, were not spared the slowdown. Nonetheless domestic demand remained resilient, with private consumption remaining robust, underpinned by a healthy labour market and firm commodity prices. The Government's accommodative fiscal and monetary policies supported growth during the year. Malaysia is forecast to register 5 to 5.5 per cent GDP growth in 2011 (2010: 7.2 per cent).

ROBUST FINANCIAL PERFORMANCE

I am delighted to announce that despite these volatile global market conditions, the EPF delivered a credible investment performance in 2011. Our investment asset size grew RM28.70 billion or 6.52 per cent to RM469.22 billion in 2011. By successfully leveraging long-term and prudent investment strategies to optimise our return on investment (ROI), we touched the RM25.08 billion mark in net income, registering a 12.42 per cent increase over the RM22.31 billion recorded in 2010. Moreover, we delivered an ROI rate of 6.67 per cent sustaining the momentum of last year's 6.41 per cent rate of return. Our commendable results are mainly attributable to the good capital gains garnered from equity investments especially during the first half of the year.

As a result of this robust financial performance, the EPF Board, with the approval of the Minister of Finance, declared a dividend rate of 6.00 per cent for 2011 in the month of February 2012. This dividend rate was a commendable 20 basis point improvement over the 5.80 per cent paid out for the year 2010, and is equivalent to RM24.47 billion - the highest dividend pay-out amount ever. The EPF credited dividends to members' accounts on 20 February 2012.

PERUTUSAN PENERUSI CHAIRMAN'S STATEMENT



MENGEKALKAN MOMENTUM YANG MEMBERANGSANGKAN

Tahun yang dikaji menyaksikan KWSP terus mencipta kemajuan operasi yang baik berdasarkan pengukuhan tiga bidang penting iaitu prestasi sistem teras, pengembangan rangkaian dan khidmat pelanggan barisan hadapan. Dengan mengekalkan momentum baik yang dicapai dalam bidang kecekapan sistem, proses, operasi dan pembangunan insan, KWSP kini mempunyai landasan penyampaian perkhidmatan yang lebih teguh untuk digunakan.

Setakat 31 Disember 2011, jumlah ahli KWSP telah meningkat kepada 13.15 juta, manakala bilangan majikan yang berdaftar dengan KWSP telah meningkat kepada 487,664 berbanding dengan 12.72 juta ahli dan 469,390 majikan berdaftar pada 2010. Seiring dengan pertambahan bilangan ini, KWSP terus memanfaatkan inovasi teknologi bagi memacu kecekapan operasi dan meningkatkan tahap perkhidmatan pelanggan. Pada 2011, KWSP telah menggunakan ICT untuk memproses 1,969,854 permohonan pengeluaran dengan jumlah RM23.30 bilion berbanding 1,996,881 permohonan yang berjumlah RM21.89 bilion pada 2010.

Bagi memastikan ahli dan majikan menerima perkhidmatan yang terbaik KWSP terus menyediakan pelbagai saluran penyampaian perkhidmatan untuk memudahkan mereka berinteraksi dengan KWSP dalam keadaan selesa. Tahun ini menyaksikan bilangan ahli dan majikan yang memilih untuk menggunakan khidmat dalam talian serta saluran penyampaian perkhidmatan alternatif semakin bertambah ramai berbanding dengan menjalankan urusan niaga melalui kaunter. Saluran perkhidmatan elektronik seperti laman web myEPF, akaun peribadi dalam talian i-Akaun dan Kios KWSP terus menjadi antara platform popular dengan masing-masing mencatatkan peningkatan penggunaan sebanyak 26 peratus, 27 peratus dan 19 peratus.

MAINTAINING THE GOOD MOMENTUM


The year in review saw us continuing to make good operational progress as we strengthened the three key areas of core system performance, network expansion and frontline customer service. By maintaining the good momentum achieved in the areas of systems, processes, operational efficiencies and people development, the EPF now has a stronger service delivery platform to launch from.

As of 31 December 2011, the total number of EPF members had increased to 13.15 million members, while the number of employers registered with us rose to 487,664 employers as compared to 12.72 million members and 469,390 registered employers respectively in 2010. To keep pace with the rise in numbers, we continued to leverage technological innovation to drive operational efficiencies and elevate customer service levels. In 2011, we tapped ICT to process 1,969,854 withdrawal applications amounting to RM23.30 billion as compared to 1,996,881 applications amounting to RM21.89 billion in 2010.

To ensure members and employers receive the best service possible, we continue to provide them various service delivery channels to interact with us at their convenience and in comfort. The year saw a higher number of members and employers opting to use our online services and alternative service delivery channels as opposed to conducting over-the-counter (OTC) transactions. Electronic service channels such as myEPF website, the i-Akaun personalised online account and EPF Kiosks continued to be among the most popular platform registering 26 per cent, 27 per cent and 19 per cent increases in usage respectively.

PERUTUSAN Pengerusi

CHAIRMAN'S STATEMENT



Hasil daripada penambahbaikan berterusan yang dibuat ke atas laman web KWSP, myEPF telah menerima penarafan 5-Bintang dan dbariskan di kalangan 10 laman web terbaik daripada 1,155 portal dan laman web kerajaan oleh Badan Penilaian Laman Web dan Portal Kerajaan Malaysia (MGPWA).

As a result of continual improvements made to the EPF's website, myEPF received a 5-Star rating and was ranked among the 10 best websites out of 1,155 government portals and websites by the Malaysian Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) body.

Seiring dengan matlamat KWSP untuk meningkatkan pengalaman khidmat pelanggan, KWSP telah memperkenalkan beberapa platform teknologi baru. Antaranya ialah Kios Pembayaran Caruman bagi memudahkan pembayaran caruman melalui cek selepas waktu pejabat; versi telefon bimbit bagi laman web myEPF untuk pengguna telefon pintar; dan kemudahan MyCoID yang memudahkan pendaftaran majikan dengan menggunakan nombor pengenalan korporat tunggal.

In line with our aim of enhancing the customer service experience, we introduced several new technological platforms. Among these were the Contribution Payment Kiosk to facilitate after office-hour contribution payments by cheque; the mobile version of myEPF website for smart phone users; and the MyCoID facility to facilitate hassle-free employer registration by utilising a single corporate identity number.

PERUTUSAN PENERUSI CHAIRMAN'S STATEMENT

Pada 2010, KWSP telah menyertai alam media sosial untuk mendekati khalayak yang lebih ramai dan luas. Bagi memanfaatkan pertukaran maklumat yang pantas dan mudah diakses, KWSP mengguna pakai halaman Facebook "Kumpulan Wang Simpanan Pekerja" serta "KWSPBuzz" menerusi platform Twitter. Menjelang akhir tahun 2011, bilangan rakan KWSP telah bertambah sebanyak 466 peratus dari 15,594 pada 2010 kepada 88,305 pada 2011. Ini menunjukkan bahawa usaha KWSP menerusi media sosial telah membantu mempengaruhi orang ramai dan membina kepercayaan mereka.

Demi memperluaskan jangkauan dan menawarkan nilai tambah perkhidmatan pelanggan, kami terus menempatkan Kios KWSP di lokasi pihak ketiga dan lokasi awam yang baharu di samping melanjutkan waktu operasi di kios-kios ini. KWSP juga telah memperluaskan khidmat *Mobile Team* dengan memperkenalkan unit *Mobile Team* setiap satu di Johor dan Pulau Pinang selain daripada unit yang sedia ada di Sabah, Sarawak dan Lembah Klang. Tahun ini juga menyaksikan Cawangan KWSP di Limbang menjalani proses naik taraf manakala cawangan di Bayan Baru, Klang, Kuala Selangor, Kemaman dan Gua Musang telah dipindahkan ke lokasi baharu dan lebih besar di tempat yang strategik bagi memudahkan ahli mengunjungi KWSP. Dalam melangkah ke hadapan, kami akan terus meneroka kaedah-kaedah lain yang berdaya maju demi memberikan nilai tambah kepada pelanggan kami dan meningkatkan pengalaman khidmat pelanggan.

Meskipun usaha meningkatkan proses dan sistem serta menaik taraf kemudahan membantu menambah baik keberkesanan KWSP secara keseluruhan, kami turut mengambil langkah lanjut untuk menambah baik kualiti perkhidmatan. Bagi memupuk budaya khidmat pelanggan di seluruh organisasi, kami telah melaksanakan program latihan dan kesedaran dengan penekanan terhadap latihan kemahiran insaniah (*soft skills*). Berteraskan matlamat ini, Institut KWSP serta Portal e-Learning kami telah memainkan peranan penting dalam usaha pembangunan insan pada tahun 2011.

In 2010, the EPF joined the realm of social media to reach out to a larger and broader range of audiences. To leverage quick, accessible information exchange, we leveraged the "Kumpulan Wang Simpanan Pekerja" Facebook page and "KWSPBuzz" on the Twitter platform. By the end of 2011, the number of EPF friends had increased by 466 per cent from 15,594 friends in 2010 to 88,305 friends in 2011 indicating that our social media efforts are helping us to influence audiences and build trust with them.

To broaden our reach and offer customers value added services, we continued to place EPF Kiosks at new third party and public locations as well as extended the operating hours of these kiosks. We also expanded our Mobile Team service by introducing a Mobile Team unit each in Johor and Pulau Pinang aside from our existing units in Sabah, Sarawak and the Klang Valley. The year also saw EPF Limbang Branch undergoing upgrading while our branches in Bayan Baru, Klang, Kuala Selangor, Kemaman and Gua Musang were relocated to new and bigger, strategically located premises to offer members greater convenience and accessibility. Going forward, we will continue to explore other viable means to add value to our customers and elevate the customer service experience.

Even as enhanced processes, systems and facility upgrades are helping to improve the overall effectiveness of the EPF, we are also undertaking measures to further improve our service quality. To inculcate a customer service culture throughout the organisation, we have been implementing organisation-wide training and awareness programmes with an emphasis on soft skills training. To this end, the EPF Institute and our e-Learning Portal played an integral part in 2011's people development efforts.



PERUTUSAN PENERUSA

CHAIRMAN'S STATEMENT

INISIATIF DIPERTINGKATKAN

Sepanjang tahun 2011, KWSP telah melaksanakan pelbagai perubahan kepada kemudahan sedia ada. Pada 1 Januari 2011, KWSP telah memansuhkan had caruman maksimum bagi kemudahan Caruman Sukarela dan Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia. Justeru, bayaran caruman melebihi RM5,000 bagi kedua-dua kemudahan ini kini dibenarkan manakala bayaran minimum RM50 dikekalkan.

Dari segi caruman pekerja pula, bermula dengan bayaran gaji bagi Januari 2011, kadar caruman untuk pekerja telah dinaikkan kepada 11 peratus daripada 8 peratus. Sebelum ini, berlatarkan persekitaran ekonomi 2009 yang lembap, pekerja diberi pilihan untuk mengurangkan kadar caruman berkanun bulanan mereka dari 11 peratus kepada 8 peratus agar mereka mempunyai lebih banyak pendapatan boleh guna.

Berkuatkuasa 11 April 2011, ahli-ahli yang membuat pengeluaran di bawah Umur 50, Umur 55 dan Simpanan Melebihi RM1 Juta, tidak lagi perlu mengemukakan Borang Pengeluaran KWSP 9 atau salinan dokumen sokongan yang lain sekiranya mereka hadir sendiri di kaunter. Di bawah inisiatif 'Pengeluaran Mudah' KWSP, mereka hanya perlu mengemukakan MyKad berserta buku akaun bank atau penyata bank dan mendapatkan pengesahan untuk cap ibu jari mereka. Penambahbaikan ini yang bertujuan mempercepatkan permohonan pengeluaran melalui kaunter untuk kategori khusus ini, membantu mengurangkan masa diambil untuk memproses, melulus dan mengkreditkan amaun pengeluaran, yang membolehkan peningkatan kelulusan sebanyak 13.25 peratus pada 2011.

Mulai 15 Julai 2011, senarai penyakit kritikal di bawah inisiatif Pengeluaran Kesihatan telah ditambah dari 39 jenis penyakit kritikal kepada 55 jenis, termasuk tiga jenis penyakit mental. Peningkatan ini turut meliputi kelulusan untuk membeli peralatan bantuan hayat untuk penyakit kritikal yang terpilih. Penambahbaikan ini telah memperlihatkan proses kelulusan yang lebih lancar dengan pengurangan dalam bilangan permohonan tertunggak. Menjelang akhir 2011, kira-kira 4,458 permohonan telah diluluskan melalui penambahbaikan terhadap pengeluaran ini.

INITIATIVES ENHANCED

Over the course of 2011, we implemented various changes to existing facilities. As of 1 January 2011, we have done away with the maximum contribution limit for the Voluntary Contribution facility and 1Malaysia Retirement Savings Scheme. As such, contribution payments of more than RM5,000 for both facilities are now allowed while a minimum payment of RM50 remains.

In the way of employee contributions, commencing with the January 2011 wage, the contribution rate for employees was increased to 11 per cent from 8 per cent. Previously, amidst 2009's weak economic environment, employees had the option of reducing their monthly statutory contribution rate from 11 per cent to 8 per cent so as to have more disposable income.

Effective 11 April 2011, members making withdrawals under the Age 50, Age 55 and Savings Exceeding RM1 Million, no longer need to submit the KWSP 9 Withdrawal Form or copies of other supporting documents if they present themselves at the counters. Under the EPF 'Hassle-Free Withdrawals' initiative, they only need to present their MyKad together with their bank account books or bank statements and have their thumbprints authenticated. These improvements, which aim to expedite OTC withdrawal applications for these specific categories, helped reduce the time taken to process, approve and credit withdrawal amounts, which led to a 13.25 per cent increase in approvals in 2011.

On 15 July 2011, the list of approved critical illnesses under the Health Withdrawal initiative was expanded from 39 types of critical illnesses to 55 types, including three types of mental conditions. The enhancement also covered approvals for the purchase of life support equipment for selected critical illnesses. These improvements led to a smoother approval process with a decline in the number of deferred applications. By end of 2011, approximately 4,458 applications were approved under the enhancements to this withdrawal.



PERUTUSAN PENERUSI CHAIRMAN'S STATEMENT

PRESTASI PELABURAN YANG BAIK

Persekitaran pelaburan pada tahun 2011 nyata amat mencabar bagi KWSP. Pada setengah tahun pertama, prestasi pasaran ekuiti yang memberangsangkan dan didorong oleh kecairan pasaran yang tinggi menyediakan peluang yang amat baik buat KWSP untuk pengambilan untung. Bagaimanapun, pada suku ketiga tahun 2011, pasaran ekuiti berhadapan dengan sentimen jualan susulan reaksi negatif terhadap penurunan taraf Amerika Syarikat di samping meningkatnya kebimbangan terhadap krisis hutang kawasan Euro. Baki bulan-bulan berikutnya, pasaran kekal tidak menentu.

Di sebalik ketidaktentuan pasaran, KWSP telah memperoleh hasil pulangan pelaburan yang memberangsangkan. Jumlah pendapatan pelaburan kasar tahun ke tahun meningkat sebanyak 13.18 peratus atau RM3.17 bilion dari RM24.06 bilion kepada RM27.24 bilion. Portfolio pelaburan menghasilkan 6.67 peratus kadar ROI yang mana ia mengekalkan momentum tahun sebelumnya pada kadar 6.41 peratus. Ia juga merupakan ROI tertinggi yang pernah dicatatkan sepanjang 10 tahun lalu.

Portfolio Ekuiti merupakan penyumbang pendapatan terbesar, menjana RM13.29 bilion dengan ROI 11.00 peratus. Ini diikuti oleh aset berpendapatan tetap serta portfolio instrumen berasaskan faedah yang menyumbang RM13.17 bilion, dengan purata ROI sebanyak 4.94 peratus. Baki RM656.36 juta (ROI 3.43 peratus) dan RM113.75 juta (ROI 6.36 peratus), masing-masing telah disumbangkan oleh Instrumen Pasaran Wang dan Hartanah.

Sebagai pengurus dana persaraan, prestasi pelaburan dalam tempoh jangka panjang adalah lebih penting berbanding dengan prestasi bagi sesuatu tahun. Dalam memenuhi objektif melindungi dan meningkatkan nilai simpanan persaraan ahli, KWSP mensasarkan untuk mencatatkan dividen sebenar tahunan (dividen selepas mengambil kira inflasi) yang melebihi dua peratus dalam tempoh jangka panjang. Dalam aspek ini, KWSP telah berjaya mengekalkan purata dividen sebenar sebanyak 3.97 peratus, 2.95 peratus dan 2.74 peratus, masing-masing untuk tempoh tiga tahun, lima tahun dan sepuluh tahun yang memenuhi matlamat KWSP untuk memastikan pertumbuhan simpanan ahli mengatasi kadar inflasi.

CREDIBLE INVESTMENT PERFORMANCE

2011's investment environment proved to be a challenging one for the EPF. In the first half of the year, buoyant equity markets encouraged by a flush of market liquidity provided excellent opportunities for the EPF to capitalise on gains. However, in the third quarter of 2011, the equity markets experienced heavy selling pressure in reaction to the downgrading of the US rating as well as deepening concerns about the Eurozone debt crisis. Throughout the remainder of the year, the market continued to remain volatile.

Despite the year's erratic market conditions, we made credible strides forward on the investment front. Year-on-year our gross investment income increased 13.18 per cent or RM3.17 billion from RM24.06 billion to RM27.24 billion. Our investment portfolio yielded an ROI rate of 6.67 per cent maintaining the momentum of the preceding year's ROI rate of 6.41 per cent. It is also the highest ROI recorded for the past 10 years.

The Equity portfolio was the single largest income contributor, generating RM13.29 billion with an ROI of 11.00 per cent. This was followed by fixed income assets and interest-based instrument portfolios which jointly contributed RM13.17 billion, representing a weighted ROI of 4.94 per cent. The remaining RM656.36 million (ROI of 3.43 per cent) and RM113.75 million (ROI of 6.36 per cent) were contributed by Money Market Instruments and Properties respectively.

As a retirement fund manager, long-term investment performance is more important to us than any single year's performance. In executing the objectives of safeguarding and enhancing members' retirement savings value, the EPF aims to generate an annual real dividend (inflation-adjusted dividend) of more than two per cent over the long run. In this regard, the EPF has historically managed to obtain average real dividends of 3.97 per cent, 2.95 per cent and 2.74 per cent for the rolling three-year, five-year and ten-year periods, respectively, which meets our objective of ensuring real inflation-adjusted growth for our members' savings.

PERUTUSAN Pengerusi

CHAIRMAN'S STATEMENT

Seiring dengan strategi pelaburan berhemah KWSP dalam memastikan simpanan ahli dilindungi sebaiknya untuk jangka panjang, KWSP telah memperuntukkan 60.79 peratus daripada pelaburan di dalam pelaburan berisiko rendah seperti aset berpendapatan rendah serta instrumen berasaskan faedah, iaitu Pinjaman dan Bon dan Sekuriti Kerajaan Malaysia. KWSP juga telah melaburkan 35.64 peratus dalam Ekuiti dalam tahap risiko dan pulangan yang dibenarkan sementara baki 3.18 peratus dan 0.39 peratus, masing-masing telah dilaburkan dalam Instrumen Pasaran Wang dan Hartanah.

KWSP telah beransur-ansur mengurangkan wajaran dalam instrumen berpendapatan tetap dengan melaburkan semula amaun aset yang telah matang ke dalam instrumen yang mampu memberikan pulangan lebih tinggi, terutamanya ekuiti, untuk meminimumkan impak persekitaran kadar faedah semasa yang rendah. KWSP kekal komited sepenuhnya dalam mempelbagaikan pelaburan dengan melabur semula aset yang telah matang serta pendapatan pelaburan ke dalam kelas aset yang bersesuaian. KWSP akan terus sentiasa memantau keadaan pasaran, kecairan dan pergerakan pasaran manakala pada masa yang sama menjajarkan aktiviti KWSP dengan strategi pelaburan jangka panjang.

KWSP juga komited dalam memainkan peranan proaktif untuk meningkatkan nilai pemegang saham. Dengan melaksanakan beberapa urusan niaga penting pada 2011, kami terus memantapkan nilai dana KWSP untuk jangka panjang. Pada 2011, KWSP telah menjalankan beberapa urusan niaga pelaburan utama. Ini termasuk perolehan lima hartanah di United Kingdom yang menjadikan jumlah hartanah KWSP di United Kingdom sebanyak tujuh serta penggunaan modal selanjutnya sebanyak USD750 juta dalam sukuk global. KWSP juga telah menyuntik dana tambahan sebanyak USD3.34 bilion ke dalam mandat ekuiti global dalam usaha memanfaatkan keadaan Dolar AS yang semakin lemah serta pembetulan pasaran ekuiti. KWSP terus melakukan pelaburan dalam aset global mengikut had risiko kami.

In line with our prudent strategy of ensuring members' savings are well protected for the long term, we allocated 60.79 per cent of our investments in low risk fixed income assets and interest based instruments, namely Loans and Bonds and Malaysian Government Securities. We also invested 35.64 per cent in Equities within tolerable level of risk-return while the remaining 3.18 per cent and 0.39 per cent were invested in Money Market Instruments and Properties respectively.

We have gradually reduced the weightage in fixed income instruments, shifting the maturing assets into higher yielding instruments, particularly equities, to reduce the impact of the prevailing low interest rate environment. The EPF remains fully committed to diversifying our investment through reinvesting maturing assets and investment income into appropriate asset classes. As we do so, we will continue to keep an eye on market timing, liquidity and market movements while simultaneously aligning our activities with our long-term investment strategies.

The EPF is also committed to playing a proactive role in shareholder value creation. By undertaking a number of notable transactions in 2011, we continued to enhance the value of the Fund for the long-term. In 2011, we carried out a number of key investment transactions. These included the acquisition of five properties in the United Kingdom bringing the total number of EPF properties in the UK to seven, and the further capital drawdown of USD750 million in global sukuk. We also injected an additional USD3.34 billion into global equities as we leveraged on the weakening US Dollar and equity market corrections. We continue to undertake investments into global assets in accordance with our risk limits.

PERUTUSAN PENERUSI CHAIRMAN'S STATEMENT

Selaras dengan peranan proaktif bagi mempertingkatkan nilai pelaburannya, tahun ini juga menyaksikan KWSP bersama-sama UEM Group Berhad memuktamadkan pengambilalihan semua aset dan liabiliti PLUS menerusi syarikat pelaburan bersama, PLUS Malaysia Sdn Bhd (PMSB), yang berjumlah RM22.25 bilion. Pengambilalihan perniagaan lebuhraya bertol PLUS, salah satu aset utama negara, merupakan peluang untuk memiliki aset infrastruktur yang matang dan mempunyai aliran tunai yang kukuh. Sesuai dengan profil risiko dan pulangan KWSP, ia diunjur akan memberikan pulangan yang stabil bagi tempoh pelaburan jangka panjang. Pengambilalihan ini juga menyaksikan penerbitan sukuk terbesar dunia pada nilai RM30.6 bilion oleh Projek Lebuhraya Usahasama Berhad, (PLUS Berhad), iaitu anak syarikat milik penuh PMSB. Setakat ini, ia juga merupakan penerbitan bon tunggal terbesar di Malaysia dan mendapat penarafan tertinggi AAA_(IS) oleh Malaysian Rating Corporation Berhad.

Sepanjang tahun 2011, aktiviti pelaburan KWSP telah menarik perhatian banyak pihak termasuk ahli yang terus memberikan maklum balas mengenai pelaburan KWSP. Sebagai pemegang amanah kepada simpanan persaraan sebahagian besar rakyat Malaysia yang bekerja, KWSP ingin memberi jaminan bahawa KWSP kekal komited dalam melindungi dan memberikan nilai tambah kepada simpanan persaraan ahli. Objektif tersebut menjadi keutamaan dan tanggungjawab KWSP kepada ahli.

KWSP juga memberikan jaminan bahawa KWSP mengamalkan polisi pelaburan yang berhati-hati serta prosedur yang ketat untuk setiap cadangan pelaburan. Semua keputusan dan aktiviti pelaburan telah diteliti dan menjalani proses saringan dan tapisan terperinci oleh Jawatankuasa Pengurusan Pelaburan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan dan Panel Pelaburan sebelum sesuatu keputusan muktamad diperoleh. KWSP hanya meluluskan resolusi setelah menilai bagaimana sesuatu pelaburan ini dapat memberikan manfaat kepada ahli. KWSP mempunyai sumber kewangan yang teguh dan diversifikasi portfolio yang baik yang mampu menyokong perancangan pelaburannya.

In line with our taking a proactive role in shareholder value creation, the year also saw the EPF and UEM Group Berhad finalising the acquisition of all assets and liabilities of PLUS through a co-investment vehicle, PLUS Malaysia Sdn Bhd (PMSB) amounting to RM22.25 billion. The joint acquisition of PLUS tolled highways business a key national asset, represents an opportunity to acquire a mature, cash flow generating infrastructure asset. Matching our risk-return profile, it will provide members with stable returns over a long-term investment horizon. The acquisition also saw the largest global sukuk issuance of RM30.6 billion by Projek Lebuhraya Usahasama Berhad (PLUS Berhad), a wholly owned subsidiary of PMSB. This is to date the single largest bond issuance in Malaysia with the highest rating of AAA_(IS) by Malaysian Rating Corporation Berhad.

Over the course of 2011, our investment activities attracted the attention of many parties including our members who continued to provide feedback on our activities. As the trust fund holder for the majority of Malaysia's working population, the EPF wants to assure all parties that we remain committed to preserving and adding value to our members' retirement savings. This is our first priority and is governed by our responsibility to our members.

The EPF employs meticulous investment criteria and stringent procedures for each investment proposal. All investment decisions and activities are analysed and undergo detailed screening by the Management Investment Committee, Risk Management Committee, Investment Panel Risk Committee and the Investment Panel before we move forward. We only pass resolutions after evaluating how these deals will positively benefit our members. The EPF has the financial strength and a wide portfolio of companies which we can tap to ensure the success of our projects.



TADBIR URUS KORPORAT & PENGURUSAN RISIKO YANG BERKESAN

Lembaga KWSP komited dalam melaksanakan tadbir urus korporat serta amalan pengurusan risiko yang baik bagi melindungi kepentingan pemegang kepentingan dan reputasi KWSP. Kami berpegang teguh kepada prinsip integriti, ketelusan dan akauntabiliti melalui pelaksanaan kawalan dalaman dan luaran yang ketat di seluruh operasi kami. Kami juga memastikan amalan beretika dilaksanakan di semua peringkat organisasi.

Pada 2011, KWSP aktif mempromosi berbagai inisiatif tadbir urus korporat. Unit tadbir urus korporat kami terus berurusan dengan pihak kawal selia, pelabur institusi, agensi tadbir urus korporat serta syarikat tersenarai untuk menggalakkan amalan yang baik di Malaysia. Kami juga mengadakan program kesedaran untuk pengarah, Panel Pelaburan, pengarah nomini dan pengurusan kanan bagi meningkatkan standard tadbir urus korporat dan menyemai profesionalisme dalam organisasi kami.

Tahun ini juga memperlihatkan KWSP melaksanakan Polisi *Chinese Wall* bagi mengelak konflik kepentingan. Dasar dan prosedur *Chinese Wall* bertindak melindungi maklumat dalaman dan memastikan tidak berlaku dagangan yang tidak wajar. Ia adalah sebahagian daripada aturan dalaman organisasi bagi mengelak konflik kepentingan dengan mengawal, menyekat dan mengurus aliran maklumat sulit dalam jabatan tertentu dan di antara jabatan.

Selain itu, KWSP turut menjadi tuan rumah bagi Persidangan Rangkaian Tadbir Urus Korporat Antarabangsa (ICGN) di Malaysia pada Februari 2011 yang telah dihadiri lebih 250 delegasi dari pelbagai negara. Dalam melangkah ke hadapan, KWSP akan terus melaksanakan lebih banyak inisiatif tadbir urus korporat sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk meningkatkan kemahiran dan kesedaran industri terhadap tadbir urus korporat.

EFFECTIVE CORPORATE GOVERNANCE & RISK MANAGEMENT

The Board is committed to undertaking good corporate governance and risk management practices that safeguard stakeholders' interests and EPF's reputation. We uphold the tenets of integrity, transparency and accountability through implementing stringent internal and external controls throughout our operations. We also ensure ethical practices are carried out at all levels of our organisation.

In 2011, we were active in promoting various corporate governance initiatives. Our corporate governance unit continued to engage with regulators, institutional investors, corporate governance agencies and listed companies to promote good practices in Malaysia. We also conducted awareness programme for our directors, Investment Panel, nominee directors and senior management to enhance the standards of corporate governance and instil professionalism within our organisation.

The year also saw us implementing a Chinese Wall Policy to avoid conflicts of interest. The Chinese Wall policy and procedure serves to safeguard insider information and to ensure that no improper trading occurs. It is part of the organisation's internal arrangement to avoid conflict of interest by controlling, restricting and managing the flow of confidential information within a specific department and between departments.

In addition, the EPF played host to the inaugural International Corporate Governance Network (ICGN) Conference in Malaysia in February 2011 which was attended by more than 250 delegates from various countries. Moving forward, we will continue to embark on more corporate governance initiatives as part of our on-going efforts to elevate industry skills and awareness on corporate governance.

PERUTUSAN PENERUSI CHAIRMAN'S STATEMENT

Sebagai pelabur, kami percaya bahawa amalan tadbir urus korporat yang baik adalah kunci dalam menarik dan mengekalkan pelaburan modal serta memastikan kemampanan dan keuntungan perniagaan. Sejalan dengan ini, KWSP terlibat secara aktif dalam memberikan maklum balas mengenai Pelan Tindakan Tadbir Urus Korporat 2011 kepada Suruhanjaya Sekuriti (SC). Pelan tindakan ini mengiktiraf peranan penting yang dimainkan oleh pelabur institusi dalam meningkatkan amalan tadbir urus korporat dan nilai mereka sebagai sebuah rangkaian dalam menggalakkan amalan tadbir urus ke serata syarikat penerima pelaburan. SC telah menyarankan agar pelabur institusi bekerjasama bagi memacu penghasilan kod baharu serta penubuhan sebuah badan penaung untuk pelabur institusi. KWSP akan memberikan sokongan kepada pelaksanaan Rangka Tindakan Tadbir Urus Korporat 2011 bagi membolehkan Malaysia melangkah maju ke hadapan untuk mencapai kecemerlangan dalam tadbir urus korporat.

Tahun ini juga menyaksikan kami menyempurnakan infrastruktur teknologi untuk sistem dan rangka kerja urus niaga pelaburan yang baharu. Perkembangan ini meletakkan KWSP setara dengan bank pelaburan dan pengurus dana utama dan akan banyak membantu menyokong aktiviti urus niaga global kami yang telah diperluaskan. Kami juga telah memperkemas urusan kustodian (berkaitan dengan struktur undang-undang dan rangka kerja pengurusan risiko) yang akan memberikan jaminan tambahan serta sokongan belakang tabir untuk semua aktiviti pelaburan kami.

Aktiviti pengurusan risiko operasi juga tetap merupakan keutamaan tertinggi di KWSP. Pada 2011, kami terus melaksanakan berbagai aktiviti bagi meningkatkan tahap pengurusan risiko pelaburan di KWSP. Ini termasuk pelaksanaan kajian tahunan berkenaan dasar, had dan ketidakpatuhan. Kini, pelan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan telahpun tersedia untuk memastikan KWSP dapat meminimumkan gangguan perniagaan dan memulihkan operasi perniagaan yang kritikal sekiranya berlaku bencana yang tidak diduga. Pembaca boleh mendapatkan laporan terperinci mengenai tadbir urus korporat dan amalan terbaik pengurusan risiko KWSP dalam bahagian berkenaan Laporan Tahunan ini.

As an investor, we believe that good corporate governance practices are key to attracting and retaining capital investment and ensuring the sustainability and profitability of business performance. In line with this, we were actively involved in providing feedback on the formulation of Corporate Governance Blueprint 2011 to the Securities Commission (SC). The blueprint recognises the important role institutional investors play in enhancing corporate governance practices and their value as a network to promote governance practices across investee companies. The SC has recommended that institutional investors work together to drive the formulation of the new code and the establishment of an umbrella body for institutional investors. The EPF will lend its support to the implementation of Corporate Governance Blueprint 2011 to allow Malaysia to take big strides forward to achieve excellence in corporate governance.

The year also saw us completing the technological infrastructure for our new investment trading system and framework. These developments put us on par with leading investment banks and fund managers and will do much to support our expanded global trading activities. We also streamlined our custodian arrangements (relating to legal structures and the risk management framework) which will provide added security and backroom support for all our investment activities.

Operational risk management activities to remain a top priority at the EPF. In 2011, we continued to undertake various activities to enhance the level of investment risk management within the EPF. These included the implementation of annual reviews on policy, limits and non-compliance. Today, a Business Continuity Management plan is in place to ensure we are able to minimise business disruption and recover critical business operations in the event of an unforeseen disaster. Readers can find detailed reports on the EPF corporate governance and risk management best practices in the respective sections of this Annual Report.

PERUTUSAN Pengerusi

CHAIRMAN'S STATEMENT

AMALAN KORPORAT YANG BERTANGGUNGJAWAB

Pada 2011, kami meneruskan usaha meningkatkan kesejahteraan masyarakat dengan melaksanakan inisiatif tanggungjawab korporat yang berkaitan dengan pendidikan.

Sebagai sebahagian daripada usaha KWSP untuk menempa kecemerlangan organisasi dan mewujudkan tenaga kerja yang berkualiti, KWSP terus menawarkan biasiswa di bawah Program Biasiswa Pelajar Cemerlang. Program biasiswa ini memberikan manfaat kepada mahasiswa yang melanjutkan pengajian mereka di universiti terulung luar negara serta pelajar pra-universiti yang menuntut di kolej-kolej tempatan. Dari semasa ke semasa KWSP telah memperluaskan bidang pengajian di bawah program biasiswa ini dan kini ia merangkumi bidang seperti Ekonomi, Pelaburan, Kewangan, Perakaunan, Sains Aktuari, Matematik, Analisis Kuantitatif, Fizik, Kejuruteraan, Undang-undang dan Teknologi Maklumat.

Daripada 15 pelajar yang diberi biasiswa di bawah Program Biasiswa Pelajar Cemerlang KWSP antara 2006 dan 2011, lapan pelajar telah menamatkan pengajian dan bekerja dengan KWSP, manakala baki tujuh orang lagi masih menuntut. Bermula tahun 2012 dan seterusnya, kami akan bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berhubung dengan pengambilan pelajar di bawah program biasiswa ini.

DIKTIKRAF AMALAN BERTARAF DUNIA

Tahun yang dikaji menyaksikan KWSP terus menerima pelbagai anugerah dan penghargaan kerana melaksanakan amalan terbaik bertaraf dunia dan kualiti mengikut standard global. Bersandarkan komitmen kami dalam mengguna pakai teknologi terkini dalam bidang pengurusan keselamatan maklumat, KWSP telah memenangi *IDC-Enterprise Innovation Award* 2011 di Sidang Kemuncak CIO 2011 serta *Security Excellence Award* di Majlis Anugerah ICT 2011 anjuran *Share Guide Association of Malaysia (SGAM)*. KWSP telah menerima kedua-dua anugerah tersebut kerana pelaksanaan Sistem Pengurusan Identiti Perniagaan yang mencatatkan satu lagi peristiwa penting dalam kecemerlangan operasi KWSP. Kemenangan ini menunjukkan kepentingan yang telah diletakkan ke atas teknologi sebagai penggerak untuk melindungi kerahsiaan, integriti dan akauntabiliti data dan maklumat lebih daripada 13.15 juta ahli KWSP.

RESPONSIBLE CORPORATE PRACTICES

In 2011, we continued to elevate the wellbeing of the society through implementing education-related corporate responsibility initiatives.

As part of the EPF's efforts to forge organisational excellence and establish a quality workforce, we continue to offer scholarships under our Excellent Student Scholarship Programme. The scholarship programme benefits undergraduates who are pursuing their studies at premier universities abroad as well as pre-university students attending local colleges. Over time, we have expanded the number of subjects within the scholarship programme and today they include fields of study such as Economics, Investment, Finance, Accounting, Actuarial Science, Mathematics, Quantitative Analysis, Physics, Engineering, Law and Information Technology.

Of the 15 students awarded scholarships under the EPF Excellent Student Scholarship Programme between 2006 and 2011, eight of them have graduated and are working with the EPF, while the remaining seven are still pursuing their studies. From 2012 onwards, we will collaborate with the Public Service Department (JPA) on the student intake under the scholarship programme.

RECOGNISED FOR WORLD-CLASS PRACTICES

The year in review saw the EPF continuing to receive various awards and accolades for our implementation of world-class best practices and global quality standards. For our commitment to adopting leading-edge technologies in the area of information security management, the EPF won the IDC-Enterprise Innovation Award 2011 at the CIO Summit 2011 and the Security Excellence Award at the Share Guide Association of Malaysia (SGAM) ICT Awards 2011. We received both awards for our implementation of the Enterprise Identity Management System marking another milestone in operational excellence for the EPF. These wins aptly reflect the importance that we place on technology as an enabler to safeguard the confidentiality, integrity and accountability of the data and information of more than 13.15 million EPF members.

PERUTUSAN Pengerusi

CHAIRMAN'S STATEMENT

Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) KWSP bertindak menonjolkan betapa seriusnya kami dalam melaksanakan standard yang diiktiraf di peringkat global berhubung dengan dasar dan prosedur keselamatan maklumat. Keberkesanan ISMS ini terus disahkan apabila kami berjaya mengekalkan pensijilan ISO/IEC 27001:2005 untuk sistem tersebut dari tahun 2010 hingga 2013. Saya dengan sukacitanya mengumumkan bahawa seiring dengan usaha kami untuk memastikan kecemerlangan dalam proses Pengurusan Perkhidmatan IT, kami telah memperoleh pensijilan ISO/IEC 20000-1:2005 pada Mac 2011.

MELANGKAH KE TAHUN 2012

Persekitaran ekonomi global pada 2012 dijangka kekal mencabar seperti yang diperlihatkan dalam beberapa siri penurunan jangkaan pertumbuhan ekonomi global oleh pelbagai agensi serta ahli-ahli ekonomi. Keadaan ini sebahagian besarnya disebabkan meningkatnya ketidakpastian di peringkat global yang didorong terutamanya oleh kedudukan fiskal yang bermasalah di negara-negara maju, khususnya di kawasan Euro. Sungguhpun senario global yang lemah ini dijangka memberikan kesan kepada eksport Malaysia, negara dijangka akan disokong oleh permintaan domestik yang mapan serta polisi monetari yang akan menampai ekonomi daripada kegawatan global yang selanjutnya. Risiko kegawatan boleh berpunca daripada kesilapan polisi yang dilaksanakan oleh para pembuat dasar di negara-negara maju yang berpotensi memburukkan lagi situasi kemelesetan kawasan Euro dan menjejaskan ekonomi Amerika Syarikat serta China, lantas menyebabkan kelembapan global yang lebih teruk.

Sebagai sebuah dana persaraan, matlamat utama KWSP adalah untuk memelihara dan meningkatkan nilai simpanan persaraan ahli. Justeru, KWSP akan terus mengekalkan pendekatan pelaburan yang berhemah dan berisiko rendah, disokong oleh penyelidikan dan analisis yang teliti serta amalan pelaburan terbaik bagi melindungi simpanan persaraan ahli untuk tempoh jangka panjang. Strategi pelaburan KWSP akan terus berpandukan model Alokasi Aset Strategik (SAA) yang merupakan bahagian penting dalam rangka kerja pengurusan risiko. SAA ini telah direka khas bagi menepati profil risiko dan pulangan KWSP dan ia berfungsi membantu mengekalkan pulangan yang konsisten dalam jangka panjang dengan julat risiko yang bersesuaian untuk setiap kelas aset. Untuk memastikan keberkesanan berterusan dan berpadanan dengan kompleksiti pasaran serta lanskap pelaburan yang sentiasa berubah-ubah, KWSP sentiasa menyemak semula SAA dari semasa ke semasa secara sistematik, termasuk pelan Alokasi Aset Taktikal (TAA).

The EPF Information Security Management Systems (ISMS) serves to highlight how serious we are about implementing globally recognised standards in respect of information security policies and procedures. The effectiveness of the ISMS was further underscored when we successfully retained ISO/IEC 27001:2005 certification for the system from 2010 to 2013. I am also pleased to announce that in line with our efforts to ensure excellence in the IT Service Management process, we attained ISO/IEC 20000-1:2005 certification in March 2011.

MOVING FORWARD INTO 2012

The global economic environment in 2012 is expected to remain challenging as demonstrated by a series of growth downgrades of the global economy by multilateral agencies and market economists. This is mainly due to heightened uncertainty globally, primarily driven by the problematic fiscal position in developed countries, in particular the Eurozone. While this weak global scenario is expected to affect Malaysia's exports, the country is expected to be supported by resilient domestic demand and accommodative policies that will cushion the economy from further global weaknesses. Potential downside risk could be from policy mistakes undertaken by the policymakers in the developed economies which could potentially lead to much deeper Eurozone recession that will affect the US economy and China, leading to a severe global slowdown.

As a retirement fund, the EPF's primary objective is to preserve and enhance member's retirement savings. To this end, we will continue to maintain a prudent and low-risk investment approach, backing this up with thorough research and aligning it with investment best practices to safeguard members' retirement savings over the long-term. Our investment strategies will continue to be broadly guided by our prudent Strategic Asset Allocation (SAA) model which is an integral part of our broader risk management framework. The SAA has been custom-designed to fit the EPF's risk and return profile and it serves to help us maintain consistent returns over the long run within the tolerable risk limits for each asset class. To ensure its continued effectiveness in responding to the complexities of the market and the ever evolving investment landscape, we conduct regular and systematic reviews of the SAA including the corresponding Tactical Asset Allocation (TAA) plans.

PERUTUSAN Pengerusi

CHAIRMAN'S STATEMENT

Melangkah ke tahun 2012, Lembaga KWSP menjangka bahawa prospek dan prestasi pelaburan KWSP akan banyak bergantung kepada prestasi kedua-dua pasaran domestik dan global. Mengambil kira ketidakpastian dalam pasaran yang boleh menjejaskan prestasi pelaburan dan pendapatan pada masa hadapan, KWSP telah mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk melindungi pelaburan KWSP daripada tekanan pasaran. Sungguhpun KWSP mensasarkan sebahagian besar daripada aset pelaburan KWSP dalam tahun 2012 akan kekal dalam instrumen berpendapatan tetap yang berisiko rendah dan mempunyai aliran pendapatan yang stabil, KWSP bersedia untuk membuat perubahan taktikal bergantung kepada hala tuju pasaran.

Sebagai sebuah dana persaraan bercirikan caruman yang ditetapkan, KWSP memberikan tumpuan untuk menghasilkan pulangan terlaras risiko bagi tempoh pelaburan jangka panjang. KWSP menjangkakan aliran masuk dana yang positif untuk sekurang-kurangnya 10 tahun akan datang daripada caruman bersih ahli. Disebabkan kekangan dalam pasaran domestik, KWSP akan terus mempelbagai dan memperkembangkan portfolio pelaburannya ke luar negara di mana kepesatan pertumbuhan aset adalah lebih pantas dan mampu menawarkan lebih banyak peluang untuk tujuan mempelbagaian portfolio.

Susulan kelulusan yang diberikan Kerajaan untuk KWSP melaburkan sehingga 23 peratus daripada dananya di pasaran luar negara (berdasarkan model SAA), setakat Disember 2011, KWSP telah melaburkan kira-kira 13.37 peratus daripada keseluruhan aset pelaburan di dalam pasaran global. KWSP mensasar untuk mempertingkatkan pegangan pelaburan di luar negara dengan berhati-hati secara berperingkat sehingga 20 peratus daripada jumlah saiz pelaburan menjelang 2013. Sungguhpun peratusan pelaburan domestik akan menunjukkan pengurangan berbanding jumlah keseluruhan aset di masa hadapan, dari segi amaun, jumlah pelaburan domestik akan terus meningkat.

Dalam melangkah ke hadapan untuk merealisasikan visi KWSP menjadi sebuah organisasi keselamatan sosial yang efektif, bertaraf dunia dan berorientasikan perkhidmatan, KWSP akan terus memperkemas sumber dan memperteguhkan teras penyampaian perkhidmatannya. Pada masa yang sama, KWSP akan memanfaatkan inovasi teknologi bagi memacu usaha dan inisiatif. Ia akan membolehkan KWSP memenuhi keperluan pelanggan yang jumlahnya semakin bertambah yang kian sofistikated dan mempertingkatkan tahap kualiti perkhidmatan KWSP. Sambil memantapkan usaha penyampaian perkhidmatan dan melaksanakan standard kecemerlangan yang baharu, KWSP akan terus berusaha memaksimumkan pulangan berlandaskan profil rangka kerja risiko.

Going into 2012, the EPF Board foresees that our prospects will rest on the performance of both the domestic and global economies. In view of the expected volatility in the financial markets that may affect the performance of our investments and future income, we have taken measures to protect ourselves from external market forces. While we expect the majority of our investments in 2012 to remain in low-risk fixed income instruments with a stable stream of income, we are ready to make tactical changes depending on the market's future course of direction.

As a defined contribution pension fund, the EPF focuses on delivering advanced risk-adjusted returns for a longer-term investment horizon. We anticipate positive inflows to the Fund for at least the next 10 years from members' net contributions. Given the constraints on the domestic front, the EPF will continue to diversify and expand its portfolio overseas where the pace of asset growth is much faster with more opportunities for portfolio diversification.

Following the Government's approval for the EPF to invest up to 23 per cent of its fund size overseas (based on the customised SAA model), as at December 2011, we had invested about 13.37 per cent of our total investment assets globally. We aim to carefully allocate up to 20 per cent of our total fund size in global investments by 2013 on a gradual basis. In the near future, although our domestic investments as a percentage of total assets will gradually reduce, the absolute amount invested domestically will remain on the uptrend.

As we move forward to realise our ambition of becoming a truly effective, world-class, service-orientated social security organisation, the EPF will continue to streamline its resources and strengthen its service delivery fundamentals. At the same time, we will leverage technological innovation to drive our efforts. This will enable us to meet the increasingly sophisticated needs of our growing customer base and raise our quality benchmarks. As we elevate our service delivery efforts and implement new standards of excellence, we will work to maximise our return objectives within the risk appetite framework that we operate.

PERUTUSAN Pengerusi

CHAIRMAN'S STATEMENT

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga KWSP, saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli dan pemegang kepentingan di atas sokongan padu dan keyakinan mereka yang berterusan kepada KWSP. Prestasi KWSP yang teguh pada tahun ini adalah hasil kerja keras dan pengorbanan yang dilakukan oleh pasukan pengurusan dan kakitangan kami yang berdedikasi. Pengiktirafan dan anugerah yang diperoleh juga adalah berdasarkan komitmen berterusan warga kerja kami terhadap kecemerlangan dan kami amat terhutang budi kepada mereka.

Saya juga amat berterima kasih kepada Ahli Lembaga dan Ahli Panel Pelaburan atas wawasan bijak dan nasihat bernas mereka yang telah membantu kita melalui satu lagi tahun yang mencabar. Penghargaan ikhlas juga diucapkan kepada pelbagai agensi kerajaan, terutamanya Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, Suruhanjaya Sekuriti dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, atas sokongan dan kerjasama mereka.

Saya ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada Tuan Syed Shahir Syed Mohamud dan Encik Ahmad Shah Mohd Zin yang telah berkhidmat sebagai Ahli Lembaga bermula 1 Mei 2005 serta Encik Andrew Lo Kian Nyian yang setia berkhidmat dengan KWSP sejak 1 Jun 1998 sehingga mereka bersara pada 31 Mei 2011. Kami begitu berterima kasih atas sumbangan mereka kepada KWSP dan mengucapkan selamat maju jaya dalam segala usaha mereka di masa hadapan.

Marilah kita bersama-sama mengalu-alukan pelantikan Datuk Abdul Hamed Haji Sepawi, Encik Mohd Khalid Atan, Puan Lok Yim Peng serta Encik Heng Hock Cheng ke dalam Lembaga KWSP. Kami berharap mendapat sumbangan dan pandangan bernas daripada mereka.

Biarpun 2012 bakal diwarnai cabaran dan peluang, saya yakin bahawa semua pemegang kepentingan akan terus memberikan sokongan teguh dan kerjasama sambil kita terus mengemudi KWSP mencapai pertumbuhan dan kejayaan. Dalam melangkah ke hadapan, percayalah bahawa KWSP akan terus melindungi kepentingan semua pemegang kepentingan dan mewujudkan nilai berpanjangan untuk mereka. Terima kasih.



TAN SRI SAMSUDIN OSMAN

Pengerusi/Chairman

ACKNOWLEDGEMENTS

On behalf of the EPF Board, I wish to express my utmost appreciation to our members and stakeholders for their unwavering support and continued confidence in our organisation. The year's robust performance comes on the back of the hard work and sacrifices made by our dedicated management team and staff. The recognition and accolades we have garnered too is owing to our people's on-going commitment to excellence and we are deeply indebted to them.

I am also deeply grateful to our Board Members and the Members of the Investment Panel for their worthy insights and wise counsel that helped guide us through yet another challenging year. My sincere appreciation to the various government agencies, in particular the Ministry of Finance, Bank Negara Malaysia, the Ministry of Home Affairs, the Securities Commission and the Companies Commission of Malaysia, for their steadfast support and cooperation.

I wish to put on record my sincere appreciation to Tuan Syed Shahir Syed Mohamud and Encik Ahmad Shah Mohd Zin who had served as Board members from 1 May 2005 as well as Mr Andrew Lo Kian Nyian who had faithfully served the EPF since 1 June 1998 until their retirement on 31 May 2011. We are sincerely grateful for these gentlemen's worthy contributions to the EPF and wish them every success in their future endeavours.

Please join me in welcoming Datuk Abdul Hamed Haji Sepawi, Encik Mohd Khalid Atan, Madam Lok Yim Peng and Mr Heng Hock Cheng to the Board. We certainly look forward to their insights and contributions.

While 2012 will have its fair share of challenges and opportunities, I trust that all our stakeholders will continue to lend us their firm support and cooperation as we continue to steer the EPF forward on its journey to growth and success. As we move forward, rest assured that the EPF will continue to safeguard all our stakeholders' interests and create enduring value for them. Thank you.